



**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN**  
**PEGAWAI KONTRAK PESURUHJAYA (CONTRACT OF COMMISSIONER) DI**  
**PEJABAT PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI**  
**CAWANGAN SABAH DAN SARAWAK,**  
**KEMENTERIAN DIGITAL**

**1. Gred 9 (41) – 1 kekosongan**

**Syarat-syarat kelayakan:**

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur **tidak kurang** daripada 21 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Mempunyai kelayakan seperti berikut:
  - i. Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian dalam bidang Sains Komputer, Teknologi Maklumat, Kejuruteraan Komputer, Kejuruteraan Perisian, Sains Data, Undang-Undang, Perniagaan atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - ii. Bekas anggota polis, tentera atau pegawai penguatkuasa yang sekurang-kurangnya berpangkat Inspektor Polis atau Leftenan Muda atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik;
  - iii. Berkebolehan berkomunikasi secara lisan dan bertulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris;
  - iv. Berkebolehan dalam menulis laporan yang berkualiti serta melaksanakan strategi pengurusan keselamatan dan membantu pelaksanaan sistem pengurusan pelanggan;
  - v. Boleh melaksanakan secara mahir dan dapat menguasai peraturan, kaedah dan akta yang berkaitan;

- vi. Berkebolehan memberikan pendapat secara profesional, memberikan khidmat nasihat dan mengemukakan hujah-hujah dengan baik;
- vii. Bebas daripada sebarang tindakan tatatertib/ bankrap/ tiada rekod jenayah;
- viii. Mempunyai tahap kesihatan yang baik, tidak menghidap penyakit berjangkit dan penyakit yang berpanjangan; dan
- ix. Boleh bekerja lebih masa bergantung kepada arahan semasa.

### **DESKRIPSI TUGAS:**

- i. Bertanggungjawab dalam menyelia hala tuju perisikan melalui perancangan, pengaturan anggota, pelaksanaan dan pelaporan hasil perisikan berdasarkan maklumat-maklumat yang diperolehi;
- ii. Menyelia aktiviti pemeriksaan dan tindakan penguatkuasaan dan pematuhan di bawah Akta dan peraturan yang berkuatkuasa meliputi:
  - Pemeriksaan berkala;
  - Pemeriksaan biasa; dan
  - Operasi Bersepadu.
- iii. Menyelia aktiviti penyiasatan serta tindakan penguatkuasaan dan pematuhan di bawah Akta dan peraturan yang berkuat kuasa bagi perkara berikut:
  - Kes Warisan;
  - Kes Semasa;
  - Kertas Enkiri; dan
  - Fail Aduan.
- iv. Menyelia aktiviti pendakwaan dan pengkompaunan bagi tujuan penyelesaian kertas siasatan di bawah Akta dan peraturan yang berkuat kuasa;
- v. Merangka dan mengurus ekshhibit yang sistematik dan teratur serta memastikan rantaian keterangan tidak terjejas (*chains of evidence*);
- vi. Menyelia pelan tindakan penguatkuasaan yang meliputi Undang-undang dikuatkuasakan bagi memastikan Sasaran Kerja Utama (SKU) dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) serta objektif yang ditetapkan tercapai.

**KEMUDAHAN:**

Gaji Minimum : RM 2,422.00  
Gaji Maksimum : RM 9,631.00  
Caruman : KWSP dan PERKESO

**ELAUN:**

Imbuhan Tetap Keraian : RM300.00  
Imbuhan Tetap Perumahan : RM300.00  
Bantuan Sara Hidup : RM300.00

**KENAIKAN GAJI TAHUNAN : RM225.00**

## **2. Gred 5 (29) – 1 kekosongan**

### **Syarat-syarat kelayakan:**

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang daripada 21 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Mempunyai kelayakan seperti berikut:
  - i. Memiliki Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
  - ii. Diploma dalam bidang Sains Komputer, Teknologi Maklumat, Kejuruteraan Komputer, Rangkaian, Keselamatan Siber, Undang-Undang, perniagaan atau bidang-bidang lain yang diiktiraf setaraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - iii. Bekas anggota polis, tentera atau pegawai penguatkuasa yang sekurang-kurangnya berpangkat Inspektor Polis atau Leftenan Muda atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik;
  - iv. Lulus Bahasa Melayu (termasuk Ujian Lisan) pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya;
  - v. Berkebolehan berkomunikasi secara lisan dan bertulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris;
  - vi. Berkebolehan memberikan pendapat secara profesional, memberikan khidmat nasihat dan mengemukakan hujah-hujah dengan baik;
  - vii. Berkebolehan dalam menulis laporan yang berkualiti serta melaksanakan strategi pengurusan keselamatan dan membantu pelaksanaan sistem pengurusan pelanggan;
  - viii. Boleh melaksanakan secara mahir dan dapat menguasai peraturan, kaedah dan akta yang berkaitan;
  - ix. Bebas daripada sebarang tindakan tatatertib/ bankrap/ tiada rekod jenayah;
  - x. Mempunyai tahap kesihatan yang baik, tidak menghidap penyakit berjangkit dan penyakit yang berpanjangan; dan
  - xi. Boleh bekerja lebih masa bergantung kepada arahan semasa.

## **DESKRIPSI TUGAS:**

- i. Melaksanakan tugas risikan dan mengumpul aktiviti pelanggaran di bawah semua Akta dan peraturan yang dikuatkuasakan;
- ii. Menjalankan pemeriksaan ke atas premis perniagaan/syarikat bagi mendapatkan maklumat dan mengesan sebarang ketidakakuratan atau pelanggaran ke atas akta dan peraturan yang dikuatkuasakan bagi memastikan liputan pemantauan dan penguatkuasaan yang lebih menyeluruh;
- iii. Menjadi Pegawai Penyiasat (IO) bagi kes sederhana sukar dan sukar di bawah Akta dan peraturan yang dikuatkuasakan;
- iv. Memastikan pengumpulan keterangan dan pembuktian yang kukuh untuk tujuan pendakwaan;
- v. Membantu tugas penyeliaan serta memastikan aktiviti penyiasatan kes dan rekod penyiasatan dilakukan dengan teratur selaras dengan kehendak undang-undang untuk memastikan pengurusan rekod pergerakan kertas dan kutipan data sentiasa dikemas kini;
- vi. Membantu dalam penyediaan proses pendakwaan dan perbicaraan kes di Mahkamah serta membantu melaksanakan tugas pendakwaan;
- vii. Membantu menyelaras dan menyelia rancangan serta hala tuju pengurusan eksibit yang meliputi pewujudan dan keselamatan sektor eksibit serta prosedur pengendalian eksibit bagi memastikan dasar dan objektif yang ditetapkan dipatuhi; dan
- viii. Melaksanakan tugas khusus unit seperti pengumpulan maklumat, penyediaan laporan, mengemaskini data dan laporan serta membantu ketua unit dalam penyediaan program unit, jabatan dan kementerian bagi memastikan perjalanan unit khususnya dan Pesuruhjaya PDP amnya berjalan lancar dan teratur mengikut sasaran kerja dan KPI yang ditetapkan.

**KEMUDAHAN:**

Gaji Minimum : RM1,493.00  
Gaji Maksimum : RM5,672.00  
Caruman : KWSP dan PERKESO

**ELAUN:**

Imbuhan Tetap Perumahan : RM300.00  
Bantuan Sara Hidup/COLA : RM300.00  
Imbuhan Tetap Khidmat Awam : RM160.00

**KENAIKAN GAJI TAHUNAN : RM145.00**

### **3. Gred 1 (19) – 1 kekosongan**

#### **Syarat-syarat kelayakan:**

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang daripada 21 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Mempunyai kelayakan seperti berikut:
  - i. Lulus Bahasa Melayu (termasuk Ujian Lisan) pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya;
  - ii. Berkebolehan berkomunikasi secara lisan dan bertulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris;
  - iii. Berkebolehan dalam menulis laporan yang berkualiti serta melaksanakan strategi pengurusan keselamatan dan membantu pelaksanaan sistem pengurusan pelanggan;
  - iv. Boleh melaksanakan secara mahir dan dapat menguasai peraturan, kaedah dan akta yang berkaitan;
  - v. Bebas daripada sebarang tindakan tatatertib/ bankrap/ tiada rekod jenayah;
  - vi. Mempunyai tahap kesihatan yang baik, tidak menghidap penyakit berjangkit dan penyakit yang berpanjangan; dan
  - vii. Boleh bekerja lebih masa bergantung kepada arahan semasa.

#### **DESKRIPSI TUGAS:**

- i. Membantu melaksanakan tugas risikan di bawah semua Akta dan peraturan yang dikuatkuasakan bagi memberi maklumat risikan kepada peringkat atasan untuk tindakan seterusnya;
- ii. Membantu melaksanakan pemeriksaan ke atas premis perniagaan/ syarikat bagi mendapatkan maklumat dan mengesan sebarang ketidakakuruan atau pelanggaran ke atas akta dan peraturan yang dikuatkuasakan bagi memastikan liputan pemantauan dan penguatkuasaan yang lebih menyeluruh;

- iii. Menjadi Pegawai Penyiasat (IO) bagi kes mudah dan kes sederhana di bawah Akta dan peraturan yang dikuatkuasakan.
- iv. Membantu Pegawai Penyiasat (IO) kes sederhana sukar dan kes sukar dalam penyiasatan bagi memastikan pengumpulan keterangan dan pembuktian yang kukuh untuk tujuan pendakwaan;
- v. Melaksanakan penyiasatan ke atas aduan subjek data yang diterima dan mengambil tindakan sewajarnya di bawah Akta dan peraturan yang dikuatkuasakan untuk mematuhi kehendak pelanggan dan pemegang taruh seterusnya dapat mewujudkan suasana perlindungan data peribadi yang dipercayai;
- vi. Membantu dalam proses pendakwaan ke atas setiap pertuduhan yang dibuat agar dapat melalui prosedur pendakwaan yang adil dan saksama;
- vii. Mematuhi dan memastikan semua ekhibit yang disita mematuhi peraturan pengurusan ekhibit yang ditetapkan;
- viii. Membantu melaksanakan tugas khusus unit seperti pengumpulan maklumat, penyediaan laporan, mengemaskini data dan laporan serta membantu juga dalam penyediaan program-program unit, Seksyen dan Bahagian bagi memastikan perjalanan unit khususnya dan institusi Pesuruhjaya PDP amnya berjalan lancar dan teratur mengikut sasaran kerja dan KPI yang ditetapkan; dan
- ix. Membantu melaksanakan arahan-arahan semasa dari pegawai atasan mengikut skop tugas dan memastikan tugas yang diberikan dapat disempurnakan dengan jayanya.

#### **KEMUDAHAN:**

Gaji Minimum : RM1,352.00  
Gaji Maksimum : RM4,003.00  
Caruman : KWSP dan PERKESO

#### **ELAUN:**

Imbuhan Tetap Perumahan : RM300.00  
Bantuan Sara Hidup/COLA : RM300.00  
Imbuhan Tetap Khidmat Awam : RM115.00

**KENAIKAN GAJI TAHUNAN : RM100.00**

## **CARA MEMOHON:**

- a) Calon yang berminat untuk memohon jawatan tersebut perlu mengemukakan dokumen seperti berikut:
  - i. Borang Permohonan Jawatan;
  - ii. *Curriculum Vitae / Resume*; dan
  - iii. Salinan sijil SPM/ STPM/ DIPLOMA/ IJAZAH SARJANA MUDA / SARJANA atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan
- b) **Tarikh Tutup Permohonan ialah pada 14 Mac 2025.**

Semua permohonan yang lengkap diisi berserta dokumen yang diperlukan hendaklah dikemukakan kepada:

**Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP)**  
**Aras 8, Galeria PjH,**  
**Persiaran Perdana, Presint 4**  
**Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan**  
**62100 PUTRAJAYA**

**ATAU**

Email ke [pengambilan@pdp.gov.my](mailto:pengambilan@pdp.gov.my)

## **TEMU DUGA**

Hanya pemohon yang layak dan disenarai pendek sahaja akan dipanggil menghadiri temu duga. Permohonan adalah dianggap TIDAK BERJAYA sekiranya pemohon tidak menerima sebarang panggilan ke temu duga dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh tutup iklan.

## **KEPUTUSAN**

Keputusan temu duga hanya akan dimaklumkan kepada pemohon yang berjaya sahaja. Keputusan pelantikan secara rasmi akan dimaklumkan setelah mendapat perakuan pelantikan daripada Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi.

## **PERTANYAAN**

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, boleh menghubungi pegawai-pegawai berikut:

Cik Siti Noorain binti Md Saad Tel : 012-2791136

Tel : 012-2791136

Encik Muhammad Nadzmi bin Noor Hisham Tel : 014-8401314

Tel : 014-8401314

**TARIKH IKLAN DISIARKAN : 6 MAC 2025 – 14 MAC 2025**